



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (25) 04/01

MEMELIHARA KEDAULATAN ADALAH KEUTAMAAN NEGARA

Kementerian Pertahanan mengambil maklum mengenai laporan media pada 25 Jan 2023 mengenai tuntutan kawasan Beting Patinggi Ali, Sarawak.

Kementerian Pertahanan ingin menjelaskan bahawa Beting Patinggi Ali adalah milik Malaysia dan tidak pernah mengiktiraf sebarang tuntutan dari mana-mana pihak lain memandangkan ianya dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia.

Dari sudut geografi, Beting Patinggi Ali terletak pada kedudukan 84 batu nautika (155 km) dari pantai Miri (spesifiknya di Tanjung Baram), Sarawak dan terletak dalam kawasan perairan ZEE Malaysia.

Kedaulatan negara akan terus dipelihara dan sentiasa menjadi keutamaan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia.

-TAMAT-

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
27 Januari 2023